



CIMB-Principal urus aset bernilai RM30b

KUALA LUMPUR, Selasa — CIMB-Principal Asset Management Bhd yakin jumlah aset dalam dalam pengurusannya akan mencecah kira-kira RM30 bilion menjelang akhir tahun, meningkat berbanding RM22.1 bilion yang direkodkan tahun lepas.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, J.Campbell Tupling, berkata syarikat itu yakin mencapai angka itu berasaskan sentimen pasaran yang meningkat. "Permintaan daripada pelabur institusi dan runcit juga terus meningkat dan kami yakin mencapai sasaran berkenaan," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Dana Ekuiti CIMB-Principal Australia, di sini hari ini.

Mengulas lanjut mengenai dana baharu itu, Ketua Pegawai Pelaburan, Raymond Tang berkata dana itu akan dimasukkan dalam Dana Ekuiti Schroder Australia, sebuah dana yang beroperasi di Asutralia, yang akan berusaha

mengatasi Indeks Pengumpulan S&P/ASX 200 dalam tempoh jangka sederhana hingga panjang.

Beliau berkata dana itu akan melabur dalam sekurang-kurangnya 95 peratus nilai aset bersih (NAV) dalam Dana Ekuiti Schroder Australia dan pelaburan berfokus dalam syarikat-syarikat yang mempunyai kelebihan saingan berkekalan dalam jangka panjang. "Kami menjangkakan dana itu akan menjana pulangan tahunan antara 10 peratus dan 15 peratus," katanya, dan menambah, maksimum lima peratus NAV juga akan dikekalkan dalam aset cair.

Dana Ekuiti CIMB-Principal Australia, dana ketiga itu yang akan dilancarkan oleh CIMB-Principal tahun ini, mempunyai saiz dana yang diluluskan sebanyak 600 juta unit dengan harga tawaran awal 25 sen seunit. Pelaburan minimum permulaan ialah RM1,000. — Bernama